

Harga turun bukan sebab boikot

Oleh **HAKIMI ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 12 SEPT.**

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menegaskan, penurunan harga bahagian tertentu adalah disebabkan kuasa pasaran dan bukan kerana tindakan boikot yang dilakukan sesetengah pihak ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Salfuddin Nasution Ismail berkata, setakat ini tidak ada fakta yang dapat mengesahkan penurunan harga itu disebabkan tindakan boikot.

“Saya faham, katanya harga minyak masak turun, namun turun atau naik harga ia bergantung kepada kuasa pasaran, kalau sumber utamanya itu harga jatuh, harga runcit juga akan jatuh.”

“Ataupun kalau permintaan banyak, jadi ia bergantung permintaan dan penawaran, itu prinsip asas ekonomi. Jadi kita tidak mahu kaitkan dengan boikot, sebab setakat ini tidak

menerima aduan mengenai makanan yang diagihkan kepada penerima tidak berkualiti.

“Program ini mementingkan kualiti makanan yang mana kita lakukan, penyisihan antara makanan baik dan kurang baik, saya harap disiplin ini terus kekal dan menjadi keutamaan,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, 14 trak pendingin yang disediakan hasil peruntukan RM3 juta oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini bertujuan memudahkan logistik bagi pelaksanaan program Food Bank Malaysia.

“Trak yang mampu memuatkan satu tan barang makanan ini akan menjadi medium untuk mendapatkan bekalan daripada syarikat pembekal termasuk pasar raya dan hotel sebelum ke lokasi terpilih bagi pengagihan termasuk di universiti.

“Kemudahan ini pastinya akan meningkatkan keupayaan kami untuk memperluaskan pelaksanaan program Food Bank Malaysia dan sejak Ogos tahun lalu, lebih 650 tan makanan diagihkan menerusi program berkenaan memabutkan 238,000 penerima,” katanya.



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL (kiri) menunjukkan isyarat bagus selepas menerima 14 trak pendingin untuk kegunaan Yayasan Food Bank Malaysia di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Muez Abd. Aziz (dua dari kiri). - BERNAMA

ada siapa boleh sahkan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penyerahan 14 trak pendingin kepada Yayasan Food Bank Malaysia, di sini hari ini. Beliau berkata demikian bagi

mengulas dakwaan pihak tertentu bahawa kempen utama-

Sementara itu, mengulas Program Food Bank Malaysia, Saifuddin Nasution berkata, sejak dilaksanakan pada Ogos tahun lalu, pihaknya belum

yak masak di pasaran. Program Food Bank Malaysia, Saifuddin Nasution berkata, sejak dilaksanakan pada Ogos tahun lalu, pihaknya belum